

KENYATAAN SEBUTHARGA : PDTSPU/KP/1/2017

1. Sebutharga adalah dipelawa kepada **Pembekal-pembekal yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah kod Bidang Perkhidmatan Mencuci Bangunan Dan Membersih Kawasan di bawah Kepala dan Sub-Kepala 221001 yang masih sah dan berkuatkuasa.**
2. Pembekal-pembekal diwajibkan menghadiri taklimat dan lawatan tapak yang akan diadakan pada **21 Mac 2017 jam 9.30 pagi** di Pejabat Daerah dan Tanah Seberang Perai Utara. Lawatan tapak bagi kerja ini hendaklah dihadiri sendiri oleh pemilik syarikat. Wakil termasuk pemegang saham juga adalah tidak dibenarkan mewakili syarikat untuk sesi lawatan tapak.
3. Dokumen Sebutharga hanya akan dijual kepada pembekal yang menghadiri taklimat lawatan tapak sahaja dan boleh dibeli melalui Sistem e-Perolehan di laman web <http://ep.penang.gov.my> melalui akaun masing-masing.
4. **Borang Sebutharga hendaklah disertakan bersama-sama perkara seperti di bawah :**
 - i. **Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat dari Kementerian yang lengkap menyatakan kod bidang berkaitan yang masih berkuatkuasa;**
 - ii. **Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Bumiputera dari Kementerian Kewangan yang masih berkuatkuasa (jika ada)**
 - iii. **Surat Akuan Pembida**
5. **Sekiranya perkara tersebut tidak disertakan bersama-sama di dalam borang, maka borang tawaran akan ditolak.**
6. Sebutharga akan ditutup pada **28 Mac 2017 pada jam 12.00 tengahari**. Borang sebutharga yang telah dilengkapi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dan diisi dengan No Sebutharga (ditulis di bahagian atas sebelah kiri sampul) dan Tajuk Sebutharga seterusnya dimasukkan ke dalam Peti Tawaran seperti alamat di bawah :

**Bahagian Pengurusan Daerah
Pejabat Daerah dan Tanah,
Seberang Perai Utara,
13200 Kepala Batas.**



(MOHD HASMIZAL BIN ZAKARIA)
Penolong Pegawai Daerah (P)
b.p. Pegawai Daerah
Seberang Perai Utara